

26/05/2000

Kerajaan siasat 200 sekolah agama swasta

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan sedang menyiasat dan mengumpul maklumat mengenai lebih 200 sekolah agama swasta yang tidak menggunakan kurikulum sekolah Kementerian Pendidikan, menyebabkan pelajarinya tercicir, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Di samping itu katanya, kerajaan juga sedang menyiasat sekolah-sekolah agama didirikan oleh parti politik tertentu yang mengajar pelajarinya membenci pemerintah dan pemimpin tertentu.

Beliau berkata, pertumbuhan kedua-dua jenis sekolah itu kini membimbangkan dan tindakan tegas, termasuk menutup sekolah terbabit akan diambil, jika didapati ia menyalahi peraturan dan undang-undang.

"Kerajaan memandang serius perkara ini kerana ia bukan saja boleh menyebabkan pelajar tercicir dan tidak mengetahui langsung kurikulum persekolahan yang diwajibkan, bahkan ia boleh mencetus pelbagai perkara tidak diinginkan pada masa depan.

"Saya dapati sekolah agama rendah yang ditadbir swasta bukan sahaja di negeri tertentu, bahkan terdapat di seluruh negara sehingga ada antara negeri terbabit mempunyai lebih 40 sekolah seumpama itu.

"Apa yang lebih membimbangkan dan menyedihkan ialah ramai kalangan ibu bapa yang menghantar anak-anak ke sekolah itu adalah dari kalangan intelek dan profesional.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) turut memandang perkara ini dengan serius dan mengarahkan tindakan tegas diambil bagi menangani masalah ini," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kongres Peningkatan Keluarga peringkat kebangsaan anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) di sini, malam ini.

Justeru, Abdul Hamid berkata, pihaknya telah mengarahkan semua Jabatan Pendidikan dan Jabatan Agama Islam negeri supaya membuat penyiasatan teliti dan mengenal pasti sekolah terbabit.

Sebagai permulaan, katanya, semua sekolah itu akan diminta supaya mematuhi undang-undang dengan memasukkan kurikulum sekolah yang sewajarnya jika mereka ingin terus beroperasi.

"Tetapi jika mereka ingkar, tindakan tegas termasuk menutup sekolah itu terpaksa diambil," katanya.

Beliau berkata, sekolah yang terbabit akan dikenakan tindakan undang-undang mengikut peraturan Jabatan Pendidikan jika membabitkan kurikulum sekolah biasa dan Jabatan Agama Islam jika membabitkan hal ehwal agama.

(END)